

12 FEB 1997

Keselamatan (Analisis Berita)

MATLAMAT KESELAMATAN JALAN RAYA MESTILAH REALISTIK

Oleh: Azman Ujang

KUALA LUMPUR, 12 Feb (Bernama) -- Jika ada hadiah yang boleh diberi kepada orang yang tidak pernah putus asa, ia perlu diberikan kepada mereka yang berada dalam Majlis Keselamatan Jalanraya Malaysia.

Setiap tahun, mereka menghadapi nasib malang melihat segala usaha mereka mengurangkan kadar kemalangan jalan raya terutamanya yang membawa maut, sia-sia sahaja.

Dalam kempen keselamatan jalan rayanya, ia selalu menetapkan sasaran mengurangkan kadar kemalangan jalan raya tetapi ia tidak tercapai malah semakin lama semakin sukar dicapai.

Tiada sesiapa dapat menyalahkan usaha murni mereka cuba mengurangkan bilangan orang, yang kebanyakannya masih muda, daripada kehilangan nyawa dalam nahas jalan raya di seluruh negara.

Statistik yang ada amat menakutkan. Tahun lalu, lebih 6,000 orang terbunuh akibat kemalangan, malah mungkin lebih daripada jumlah orang yang mati akibat bencana alam seperti gempa bumi, angin puting beliung dan banjir di bumi ini sepanjang tahun 1996.

Menurut beberapa kajian, negara mengalami kerugian berbilion ringgit setiap tahun akibat kemalangan jalan raya, dan ini belum mengambil kira penderitaan yang perlu ditanggung oleh kaum keluarga mereka.

Kemalangan jalan raya juga menyumbang kepada peningkatan dalam bilangan kanak-kanak yang menjadi yatim piatu.

Juga menimbulkan kerisauan ialah kehilangan sumber manusia produktif dan bakat yang tidak dapat menyumbang ke arah pembangunan Malaysia di masa depan.

Oleh kerana lebih 60 peratus mereka yang mati dalam kemalangan jalan raya adalah penunggang dan pembonceng motosikal, kemalangan jalan raya adalah punca utama kematian warga muda di Malaysia.

Ini berdasarkan anggapan munasabah bahawa kebanyakan penunggang dan pembonceng motosikal adalah dalam lingkungan umur 20an dan 30an serta golongan remaja.

Persoalan utamanya ialah sama ada langkah keselamatan yang diambil setakat ini telah benar-benar mengatasi punca utama kehilangan nyawa yang tidak menguntungkan dan berterusan di sebuah negara yang dianggap antara yang paling aman di dunia.

Atau adakah realistik untuk kita mengharapkan kadar kemalangan menurun ketika berlakunya peningkatan yang besar dalam jumlah kenderaan bermotor yang bertambah di atas jalan raya setiap hari.

Kuala Lumpur adalah satu contoh klasik -- jumlah kereta dan motosikal menimbulkan persoalan terutamanya kepada perancang bandaraya, yang nampaknya menerima kenyataan bahawa sebanyak manapun penambahan jalan baru atau persimpangan bertingkat tidak dapat menampung kesesakan jalan raya yang teruk.

Seorang anggota kanan Majlis Keselamatan Jalan Raya Kebangsaan (MKJ) berkata secara praktikal, adalah tidak realistik untuk menetapkan sasaran dalam mengurangkan kadar kemalangan di sini kerana tidak seperti beberapa negara lain yang hampir mencapai tahap seimbang, populasi kenderaan di Malaysia yang kini lebih empat juta, semakin meningkat tanpa henti.

"Walaupun anda mungkin berkata sasaran kita adalah tidak realistik, kita tidak mempunyai alternatif lain selain sasaran mengurangkan kemalangan...anda tidak boleh mengharapkan kami membuat sebaliknya," kata beliau.

Beliau bersetuju bahawa separuh daripada perang terhadap kemalangan jalan raya boleh dicapai jika bilangan yang melibatkan motosikal, punca utama kematian jalan raya, dapat dikurangkan secara drastik.

Menurut analisis, penunggang dan pembonceng adalah "calon" paling terdedah dalam senarai maut ini tetapi usaha mempromosi pemanduan berhemat agak tenggelam berbanding langkah- langkah dan pengaruh politik yang digerakkan ke arah melawan AIDS dan penyalahgunaan dadah.

Malah, keadaan ini mendorong Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulas pada hari Ahad, "Saya sendiri apabila memandu, kadang-kadang nampak penunggang motosikal memintas secara merbahaya...seolah- olah mereka tidak boleh mati. Tetapi sebenarnya, penunggang motosikal adalah yang paling terdedah kepada kemalangan maut."

"Saya tidak tahu apa lagi yang boleh dibuat...kita menasihati, kita mempunyai polis, kita ada radar dan macam- macam lagi. Saya tidak tahu apa lagi kecuali tidak berjalan (memandu) langsung," kata Perdana Menteri, yang ulasannya perlu dilihat sebagai memberi kesan politik yang kuat serta permulaan pendekatan baru memerangi masalah serius ini.

Pengaruh politik ini di masa lalu dapat dilihat pada kenyataan bahawa selepas beberapa tahun bercakap mengenai keperluan laluan khas bagi motosikal, hampir tiada langsung laluan seumpamanya terutama di kawasan- kawasan yang ditandakan sebagai kawasan merbahaya untuk motosikal.

Laluan sebegini yang agak jelas ialah di kedua- dua belah Lebuhraya Persekutuan di Petaling Jaya tetapi ada beberapa bahagian kawasan inipun tidak dapat digunakan kerana beberapa projek pembinaan.

Seorang eksekutif kanan syarikat minyak multi-nasional memberitahu Bernama, satu perkara yang mengejutkan dalam pemerhatiannya di Malaysia ialah bilangan besar motosikal di jalan raya di negara ini.

"Apa yang paling menakutkan saya dalam negara yang aman ini ialah dilanggar oleh motosikal semasa melintas jalan," katanya.

Pegawai MKJ itu mengakui agak sukar bagi sebuah negara seperti Malaysia untuk menghadkan bilangan motosikal yang dibenarkan di jalan- jalan kerana ia masih dianggap cara pengangkutan yang paling murah bagi golongan berpendapatan rendah.

"Objektif kita bukan mengurangkan bilangan motosikal tetapi mengawal penggunaannya, sama seperti kereta dan kenderaan lain. Seboleh- bolehnya dicapai dengan peningkatan sistem pengangkutan awam seperti bas dan LRT sebagai alternatif menggunakan motosikal di masa depan," kata beliau.

Agak ketara bahawa pihak berkuasa perlu mengambil langkah yang lebih drastik untuk mengurangkan bilangan kematian melibatkan penunggang dan pembonceng motosikal, tidak kira jika ini bermakna perlunya laluan khas motosikal sebagai permulaan. -- BERNAMA

AU AR